

[Products](#)[News](#)[Resources](#)[Contact](#)[Search](#)[Overview](#)[Latest](#)[Regional](#)[Industry](#)[Trending Topics](#)[Multimedia](#)[Other Languages](#)[Public Company News](#)

Tinjauan Global Terkini daripada ISAPS Melaporkan Peningkatan yang Ketara dalam Pembedahan Estetik di Seluruh Dunia

International Society of Aesthetic Plastic Surgery (ISAPS)

2023-01-10 00:16

Share:

Jumlah prosedur pembedahan dan bukan pembedahan meningkat sebanyak 19.3%

MOUNT ROYAL, New Jersey, 10 Januari 2023 /PRNewswire/ -- Persatuan Pembedahan Plastik Estetik Antarabangsa (ISAPS) hari ini telah mengeluarkan hasil Tinjauan Global tahunannya tentang Prosedur Estetik/Kosmetik yang menunjukkan peningkatan keseluruhan sebanyak 19.3% dalam prosedur yang dilakukan oleh pakar bedah plastik pada tahun 2021 dengan lebih 12.8 juta prosedur pembedahan dan 17.5 juta prosedur bukan pembedahan di seluruh dunia.

Sorotan

Peningkatan sebanyak 19.3% ini menunjukkan pemuliharan daripada tahun 2020 (yang menyaksikan penurunan keseluruhan sebanyak -1.8% dalam semua prosedur dan -10.9% dalam prosedur pembedahan akibat kesan COVID-19 terhadap amalan global).

Laporan ini menunjukkan peningkatan yang berterusan dalam Pembedahan Estetik dengan peningkatan sebanyak 33.3% sepanjang empat tahun yang lalu.

Kedua-dua prosedur pembedahan dan bukan pembedahan telah menunjukkan peningkatan sejak tinjauan terakhir (masing-masing sebar 18.5% dan 19.9%) dengan peningkatan ketara sebanyak 54.4% dalam prosedur bukan pembedahan dalam tempoh empat tahun yang lalu.

Prosedur Estetik

Sedutan lemak merupakan prosedur pembedahan kosmetik yang paling biasa dilakukan pada tahun 2021, dengan lebih 1.9 juta prosedur yang meningkat sebanyak 24.8%, mengatasi prosedur pembesaran payudara (+3.8%). Sedutan lemak, pembesaran payudara, pembedahan kelop mata, rinoplasti dan abdominoplasti kekal sebagai lima prosedur pembedahan yang paling popular. Lima prosedur bukan pembedahan yang tertinggi ialah toksin botulinum, asid hialuronik, penyingkiran bulu, penegangan kulit dan pengurangan lemak.

Pembesaran payudara kekal sebagai prosedur pembedahan yang paling lazim dilakukan bagi golongan wanita yang menyaksikan hanya sebatian peningkatan iaitu sebanyak +0.5% dalam tempoh empat tahun yang lalu. Sebaliknya, pembedahan untuk mengeluarkan implan telah meningkat sebanyak 22.6% (lebih 49.6% dalam tempoh empat tahun yang lalu) dan pembedahan untuk menegangkan payudara telah meningkat sebanyak 31.4% pada tahun lepas.

Prosedur pada wajah dan kepala telah meningkat sebanyak 14.8% dengan pembedahan kelopak mata menjadi prosedur yang paling lazim dilakukan dan prosedur pembedahan yang paling popular dalam kalangan lelaki. Pembedahan menegangkan paha menunjukkan

pertumbuhan yang tertinggi dalam semua prosedur pembedahan (+53.1%). Penegangan dan pembesaran punggung juga telah meningkat sebanyak 45.7% dan 40.5% masing-masing sejak tahun 2017.

Satu lagi prosedur pembedahan yang paling biasa dalam kalangan wanita kekal sebagai sedutan lemak dan pembedahan kelopak mata. Dalam kalangan lelaki, dua lagi pembedahan tertinggi ialah ginekomastia (meningkat dengan ketara) dan sedutan lemak.

Menurut Dr. Gianluca Campiglio, Editor Tinjauan Global dan pakar bedah plastik di Itali, "Data ini dengan jelas menunjukkan pengalaman pemulihan daripada kesan negatif COVID-19 pada tahun sebelumnya terhadap prosedur estetik dan bilangan prosedur yang kini mengatas bilangan sebelum berlakunya pandemik. Kami mendapati peningkatan yang menarik dalam prosedur pembedahan yang berkaitan dengan yang dikenali sebagai "pengkonturan badan" seperti sedutan lemak yang kini tersenarai sebagai prosedur yang paling lazim dilakukan yang kali pertama telah mengatasi pembesaran payudara dalam tempoh beberapa tahun ini, malah berlaku trend baharu yang sama untuk abdominoplasti, penegangan paha dan pembesaran punggung. Peningkatan yang lebih rendah dalam pembesaran payudara dan peningkatan yang berkaitan dalam pembuangan implan turut mencerminkan pengalaman kami susulan penerbitan laporan tentang BIA-ALCL pada tahun sebelumnya."

Kebanyakan prosedur pembesaran payudara (53.1% daripada jumlah keseluruhan) dan rinoplasti (63.7%) telah dijalankan pada golongan yang berusia 19–34 tahun, manakala suntikan toksin botulinum merupakan yang paling popular dalam kalangan mereka yang berusia 35–50 tahun (47.2% daripada jumlah keseluruhan).

Toksin botulinum kekal sebagai prosedur bukan pembedahan yang paling biasa dilakukan bagi kedua-dua golongan lelaki dan wanita serta seluruh kumpulan umur dengan lebih tujuh juta prosedur telah dilakukan oleh pakar bedah plastik di seluruh dunia. Ia juga merupakan prosedur estetik yang paling biasa dilakukan pada pesakit yang berusia 18 tahun dan ke bawah, yang mengatasi prosedur rinoplasti pada tahun sebelumnya.

Terdapat peningkatan ketara dalam suntikan asid hialuronik (+30.3%) dan Dr. Campiglio menjelaskan bahawa perkara ini mungkin berkaitan dengan penggunaan produk ini yang semakin meningkat pada bahagian badan yang lain seperti punggung.

Statistik Negara

Sekali lagi, Amerika Syarikat telah melakukan prosedur yang paling banyak di seluruh dunia (24.1% daripada jumlah keseluruhan) dengan 31 daripada semua prosedur bukan pembedahan dan 15.5% daripada semua prosedur pembedahan, yang diikuti oleh Brazil (8.9%) dan Jepun (5.7%). Amerika Syarikat dan Brazil dianggarkan mempunyai pakar bedah plastik yang paling ramai iaitu lebih 30% daripada jumlah keseluruhan di dunia. Negara-negara Asia pula, diikuti dengan China di tempat ketiga, Jepun di tempat keempat dan Korea Selatan di tempat kelima.

Prosedur pembedahan kekal dijalankan terutamanya di hospital (43.5% di seluruh dunia) atau kemudahan pejabat (35.6%). Turki, Colombia, Mexico dan Thailand merupakan negara-negara yang menyaksikan kadar bilangan pesakit asing yang tertinggi.

Metodologi Tinjauan

Para peserta tinjauan telah melengkapkan soal selidik yang memberi tumpuan terutamanya kepada bilangan prosedur pembedahan dan bukan pembedahan tertentu yang dilakukan pada tahun 2021, bersama-sama dengan beberapa soalan sampingan yang berkaitan dengan kesan COVID-19, demografi pakar bedah plastik dan kelaziman pelancongan perubatan. Data daripada sejumlah 1,003 orang pakar bedah plastik telah disusun untuk tinjauan ini. Hasil tinjauan telah disusun, dijadualkan dan dianalisis oleh Industry Insights, Inc. (www.industryinsights.com), sebuah firma penyelidikan bebas yang berpangkalan di Columbus, Ohio. ISAPS merupakan satu-satunya organisasi yang mengumpul data global ini setiap tahun. Untuk mendapatkan salinan hasil tinjauan ini, sila layari <https://www.isaps.org/discover/about-isaps/global-statistics/reports-press-releases/>.

Tentang ISAPS – Persatuan Pembedahan Plastik Estetik Antarabangsa (ISAPS) ialah badan profesional terkemuka di dunia untuk pakar bedah plastik estetik yang diperakui oleh ahli lembaga. Ditubuhkan pada tahun 1970, ISAPS menyediakan sebuah forum terbuka untuk pertukaran pengetahuan dan Aesthetic Education Worldwide © yang berkualiti tertinggi. ISAPS menaja dan menyokong mesyuarat saintifik di seluruh dunia serta menawarkan latihan terkini dan pendidikan berterusan kepada ahli-ahlinya. Hari ini, keahlian ISAPS merangkumi lebih 5,600 orang

pakar bedah plastik rekonstruktif dan estetik yang paling dihormati di dunia di 117 buah negara. Pesakit yang mencari pakar bedah plastik estetik boleh menggunakan ciri [Cari Pakar Bedah](#) kami untuk mencari pakar bedah yang berkelayakan dan berpengalaman dengan komitmen yang ditunjukkan terhadap amalan beretika dan keselamatan pesakit.

media@isaps.org

Logo - https://mma.prnasia.com/media2/1038963/ISAPS_Logo.jpg?p=medium600

Source: International Society of Aesthetic Plastic Surgery (ISAPS)

Keywords: Cosmetics & Personal Care Health Care/Hospital Medical/Pharmaceuticals Survey, Polls & Research MAT (Mature Audience)

Share:     

Related News

Bintang Hebat India Akshay Kumar Memecahkan Rekod Serta Stigma Dala...

2023-09-13 03:55



WISKI MALT SCOTCH TUNGGAL GLEN GRANT DEDAH DEVOTION BERUSIA 70...

2023-09-13 00:14



P.F. Chang's mengembangkan jejak global dengan lokasi pertama di India

2023-09-13 00:05

Waters Melancarkan Penyelesaian Langkah Baharu yang Memudahkan Lagi Analisis Produk Ubat Biologi dan Med

2023-09-13 00:00

"Menggalakkan Kesehatan, Kesejahteraan dan Komuniti: Gowalking.com...

2023-09-12 22:30



Penemuan 'Horn Chamber' purba mendedahkan ritual yang dilakukan pad...

2023-09-12 22:17



Products

- [Content Creation](#)
- [Distribution](#)
- [Monitoring & Insights](#)
- [Influencer Database](#)
- [Falcon](#)
- [All Products](#)

About PR Newswire

- [About PR Newswire](#)
- [About Cision](#)
- [Careers](#)
- [Global Sites](#) ^

Contact PR Newswire

hkcs@prnasia.com
Contact Us ^

